



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 403

AKTA PINJAMAN LUAR NEGERI 1963

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi External Loans Act 1963 [Act 403]. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

AKTA PINJAMAN LUAR NEGERI 1963

Pertama kali diperbuat		1963 (Akta No. 22 tahun 1963)
Disemak		1989 (Akta 403 m.b.p 14 Disember 1989)

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 403

AKTA PINJAMAN LUAR NEGERI 1963

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian

BAHAGIAN I

KUASA UNTUK MEMINJAM

2. Kuasa untuk mendapatkan pinjaman luar negeri, dan penggunaan jumlah wang yang diperdapatkan

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN AM

3. Peruntukan yang mengawal selia pemerdapatan pinjaman luar negeri
4. Pemerdapatan pinjaman
5. Pengurusan pinjaman luar negeri
6. Pertukaran sekuriti
7. Pembatalan sekuriti yang telah ditukar atau ditebus

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 403

AKTA PINJAMAN LUAR NEGERI 1963

Suatu Akta untuk memberi kuasa bagi pemerdapan pinjaman di luar Malaysia untuk mengadakan jumlah wang yang dikehendaki bagi maksud Kumpulan Wang Pembangunan Persekutuan atau bagi pembayaran balik atau pelunasan pinjaman luar negeri, dan untuk membuat peruntukan am berkenaan dengan pinjaman luar negeri.

*[Semenanjung Malaysia—15 Jun 1963;
Sabah dan Sarawak—16 September 1963]*

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pinjaman Luar Negeri 1963.
- (2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

BAHAGIAN I

KUASA UNTUK MEMINJAM

Kuasa untuk mendapatkan pinjaman luar negeri, dan penggunaan jumlah wang yang diperdapatkan

2. (1) Menteri (iaitu, Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan) boleh dari semasa ke semasa memperdapatkan pinjaman di luar Malaysia—

- (a) bagi maksud Kumpulan Wang Pembangunan Persekutuan atau satu atau lebih daripada maksud itu; atau
- (b) bagi pembayaran balik atau pelunasan pinjaman yang diperdapatkan di luar Malaysia, sama ada di bawah seksyen ini atau tidak.

(2) Apa-apa jumlah wang yang diperdapatkan dengan cara pinjaman di bawah seksyen ini dengan ini diuntukkan terlebih dahulu bagi pembayaran perbelanjaan berkaitan dengan pemerdapan pinjaman itu, dan tertakluk pada pembayaran perbelanjaan itu, bagi maksud yang baginya pinjaman itu diperdapatkan; tetapi jika jumlah wang yang diperdapatkan sedemikian bagi pembayaran balik atau pelunasan mana-mana pinjaman melebihi amaun yang dikehendaki bagi maksud itu selepas penggunaannya bagi apa-apa amaun yang ada dalam sesuatu kumpulan wang penjelas yang berhubungan dengan pinjaman itu, maka lebihan itu hendaklah digunakan dan dengan ini diuntukkan bagi penebusan, pada bila-bila masa dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, bagi sekuriti Malaysia.

(3) Jumlah wang yang diperdapatkan di bawah seksyen ini tidak boleh melebihi jumlah wang yang dinyatakan dari semasa ke semasa oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* dan perintah itu hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin selepas penyiarannya dibentangkan oleh Menteri di hadapan Dewan Rakyat; dan dalam mengguna pakai subseksyen ini jumlah

wang yang diperdapatkan dalam mata wang selain ringgit hendaklah ditukarkan kepada ringgit pada hari apabila amaun untuk diperdapatkan itu ditentukan dan dengan menggunakan apa-apa kadar pertukaran sebagaimana yang diperakui oleh Gabenor Bank Negara sebagai bersesuaian pada masa itu.

(3A) Apa-apa perjanjian yang dibuat berkenaan dengan jumlah wang yang diperdapatkan di bawah Akta ini hendaklah dibuat atas nama Malaysia dan boleh ditandatangani bagi pihak Malaysia oleh Menteri atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu secara bertulis oleh Menteri.

(4) Ordinan Pinjaman 1953 [*Ord. 56 tahun 1953*], adalah dengan ini dimansuhkan.

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN AM

Peruntukan yang mengawal selia pemerdapatan pinjaman luar negeri

3. (1) Ordinan Pinjaman dan Saham Am 1949 [*Ord. 3 tahun 1949*], dan *Ordinan Sekuriti Pemegang Amanah Kerajaan 1957 [*Ord. 41 tahun 1957*], tidak terpakai bagi mana-mana pinjaman yang diperdapatkan atau dikeluarkan selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, dan Ordinan itu hendaklah dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Seksyen 4 dan 5 hendaklah terpakai bagi pinjaman yang diperdapatkan di bawah seksyen 2, dan (tertakluk pada Akta yang berhubungan dengannya) bagi pinjaman yang dibenarkan oleh mana-mana Akta lain untuk diperdapatkan di luar Malaysia mengikut Bahagian ini; dan mana-mana pinjaman itu dalam Bahagian ini disebut sebagai “pinjaman luar negeri”.

*CATATAN—Ordinan Sekuriti Pemegang Amanah Kerajaan 1957 [*Ord. 41 tahun 1957*] telah digantikan dengan Akta Sekuriti Pemegang Amanah Kerajaan 1957 [*Akta 426*].

Pemerdapatan pinjaman**4. (1) Pinjaman luar negeri hendaklah diperdapatkan—**

- (a) mengikut apa-apa cara;
- (b) dengan apa-apa perkiraan; atau
- (c) dengan pewujudan dan pengeluaran apa-apa sekuriti, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(1A) Tanpa menjejaskan subseksyen (2), mana-mana pinjaman luar negeri yang diperdapatkan di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh atau dengan kuasa Menteri.

(2) Sekuriti yang dikeluarkan bagi pemerdapatan mana-mana pinjaman luar negeri di bawah perenggan (1)(c) hendaklah dikenakan apa-apa kadar bunga, dan tertakluk pada apa-apa terma dan syarat tentang pembayaran balik, penebusan dan perkara lain (termasuk peruntukan bagi suatu kumpulan wang penjelas) sebagaimana yang ditentukan oleh atau dengan kuasa Menteri.

(3) Berkaitan dengan pemerdapatan mana-mana pinjaman luar negeri di bawah perenggan (1)(c), Menteri boleh membuat apa-apa perkiraan sebagaimana yang difikirkannya patut bagi penajajaminan mana-mana tawaran bagi langganan atau penjualan sekuriti itu.

(4) Subseksyen (1), (1A) dan (2) hendaklah memberi kuasa kepada Menteri untuk memasukkan antara terma dan syarat mana-mana pinjaman luar negeri peruntukan bagi pengecualian daripada cukai atau bagi mengecualikan daripada kawalan pertukaran caj hutang atau apa-apa perihalan caj hutang berkenaan dengan sesuatu pinjaman luar negeri; dan Menteri hendaklah melalui perintah membuat apa-apa peruntukan sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk memberi kesan kepada mana-mana pengecualian daripada cukai atau kawalan pertukaran sedemikian, dan apa-apa perintah itu hendaklah berkuat kuasa walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan cukai, atau kawalan pertukaran, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan yang terdahulu, terma dan syarat yang dibenarkan oleh subseksyen (1), (1A) dan (2) boleh mengandungi peruntukan bagi perkara yang berikut:

- (a) bagi pemertanggungan ke atas mana-mana aset (sama ada pada asalnya atau sekiranya hutang lain bagi Malaysia dipertanggungkan ke atasnya) caj hutang atau apa-apa perihalan caj hutang berkenaan dengan sesuatu pinjaman luar negeri;
- (b) bagi Malaysia, dalam prosiding yang berhubungan dengan pinjaman luar negeri, untuk mengemukakan kepada bidang kuasa mahkamah negara di mana pinjaman itu diperdapatkan.

(6) Segala caj hutang berkenaan dengan mana-mana pinjaman luar negeri hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan (sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan), dan subseksyen (1), (1A) dan (2) mempunyai kuat kuasa tertakluk pada Perkara itu.

(7) Dalam seksyen ini “caj hutang” termasuklah bunga, caj kumpulan wang penjas, pembayaran balik atau pelunasan hutang, dan segala perbelanjaan berkaitan dengan pemerdapan pinjaman dan perkhidmatan dan penebusan hutang yang diwujudkan olehnya.

Pengurusan pinjaman luar negeri

5. Berkaitan dengan mana-mana pinjaman luar negeri Menteri boleh melalui apa-apa surat ikatan—

- (a) melantik seorang Pendaftar, dan mengadakan peruntukan bagi penubuhan dan penyenggaraan suatu daftar bagi apa-apa sekuriti, bagi penempatan daftar itu dan bagi takat yang daftar itu menjadi muktamad bagi hakmilik kepada sekuriti itu atau bagi apa-apa perkara lain;

- (b) mengadakan peruntukan bagi penukaran sekuriti berdaftar kepada sekuriti yang boleh dipindah milik melalui penghantarserahan, atau sebaliknya;
- (c) mengadakan peruntukan bagi pengesahan perakuan yang berhubungan dengan sekuriti atau dokumen lain;
- (d) melantik pemegang amanah bagi mana-mana kumpulan wang penjelas, dan mengadakan peruntukan bagi pelaburan, pengurusan dan penggunaan kumpulan wang penjelas itu;
- (e) membolehkan mana-mana surat ikatan sedemikian diubah suai dengan atau tanpa menghendaki persetujuan suatu mesyuarat pemegang sekuriti, dan mengadakan peruntukan atau bagi memanggil dan menjalankan mesyuarat sedemikian bagi maksud itu atau mana-mana maksud lain, dan majoriti yang dikehendaki pada mesyuarat sedemikian bagi keputusan mesyuarat itu mengenai apa-apa perkara yang mengikat pemegang sekuriti;
- (f) pada amnya mengawal selia, atau memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mengawal selia, pengurusan pinjaman dan semua perkara berbangkit yang berkaitan dengannya.

Pertukaran sekuriti

6. (1) Menteri boleh, bagi maksud menjalankan apa-apa perkiraan yang dibuat dengan pemegang sekuriti yang dikeluarkan di bawah Akta ini bagi pertukaran sekuriti itu (sama ada pada atau sebelum matang, dan sama ada dengan atau tanpa apa-apa pembayaran lanjut), mewujudkan dan mengeluarkan apa-apa sekuriti lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri, dan seksyen 4 dan 5 hendaklah terpakai, dengan apa-apa penyesuaian yang perlu, bagi sekuriti yang dikeluarkan di bawah seksyen ini seolah-olah sekuriti itu dikeluarkan bagi pemerolehan suatu pinjaman luar negeri.

(2) Mana-mana perkiraan yang dibuat bagi pertukaran sekuriti di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan bagi membuat pembayaran kepada pemegang sekuriti yang ditukarkan; dan apa-apa pembayaran sedemikian dan segala perbelanjaan lain bagi apa-apa pertukaran itu boleh dijelaskan daripada lebihan (jika ada) yang diwujudkan oleh pertukaran itu dalam mana-mana kumpulan wang penjelas yang berhubungan dengan sekuriti yang ditukarkan itu dan, jika tidak dijelaskan sedemikian, hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan sebagai sebahagian daripada caj hutang bagi sekuriti itu.

(3) Dalam mana-mana pertukaran sekuriti di bawah seksyen ini lebihan (jika ada) yang diwujudkan dalam mana-mana kumpulan wang penjelas yang berhubungan dengan sekuriti yang ditukarkan itu, atau sekian banyak daripadanya yang tidak digunakan di bawah subseksyen (2), boleh jika Menteri mengarahkan sedemikian dipindahkan kepada mana-mana kumpulan wang penjelas lain yang berhubungan dengan sekuriti Malaysia, dan tertakluk padanya hendaklah digunakan pada bila-bila masa dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dalam penebusan sekuriti Malaysia.

(4) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi mana-mana penukaran sekuriti yang dibenarkan oleh seksyen 31 Ordinan Pinjaman dan Saham Am 1949, seolah-olah sekuriti itu telah dikeluarkan bagi pemerolehan pinjaman luar negeri; dan dengan sewajarnya dalam perenggan (1)(b) seksyen itu bagi perkataan “saham hendaklah dikeluarkan di bawah peruntukan Ordinan ini” hendaklah digantikan dengan perkataan “sekuriti hendaklah dikeluarkan sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 6 Akta Pinjaman Luar Negeri 1963”.

Pembatalan sekuriti yang telah ditukar atau ditebus

7. Semua sekuriti yang telah ditukar atau ditebus menurut Akta ini hendaklah dibatalkan dan dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

JADUAL

Pindaan kepada Ordinan yang sedia ada

1. Dalam Ordinan Pinjaman dan Saham Am 1949 [*Ord. 3 tahun 1949*], peruntukan yang berikut adalah dengan ini dimansuhkan, iaitu, seksyen 3, 5 hingga 24, 32, 33, 35 dan 38; dalam perenggan 31(1)(a), (c) dan (d) dan subseksyen 31(2); dan dalam seksyen 34 perkataan “kepada saham atau dibatalkan atau dibeli”.

2. Dalam Ordinan Sekuriti Pemegang Amanah Kerajaan 1957 [*Ord. 41 tahun 1957*], dalam seksyen 3, hendaklah ditambahkan di hujungnya—

“Dengan syarat bahawa Ordinan ini tidak terpakai kepada sekuriti yang dikeluarkan selepas permulaan kuat kuasa Akta Pinjaman Luar Negeri 1963.”

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 403

AKTA PINJAMAN LUAR NEGERI 1963

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Ord. 21/1954	Pendaftaran Ahli Farmasi	01-02-1952
P.U. 102/64	Perintah Ubah Suaian Undang-Undang (Pinjaman Luar Negeri) (Peluasan) 1964	16-09-1963
Akta 49	Akta Pinjaman Luar Negeri (Pindaan) 1966	28-07-1966
Akta A184	Akta Pinjaman Luar Negeri (Pindaan) 1973	30-03-1973
P.U. (B) 346/1977	Resolusi Di Bawah Seksyen 2— Akta Pinjaman Luar Negeri 1963	27-05-1977
Akta A477	Akta Pinjaman (Tempatan) Pinjaman Luar Negeri dan Lanjutan Kredit (Pindaan) 1980	01-02-1980
P.U. (B) 406/1982	Perintah Pinjaman Luar Negeri (Had Pinjaman di Sisi Undang-Undang) 1982	16-07-1982
Akta A579	Akta Pinjaman Luar Negeri (Pindaan) 1984	15-06-1963

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 403****AKTA PINJAMAN LUAR NEGERI 1963****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta 49	28-07-1966
	Akta A184	30-02-1973
	Akta A477	01-02-1980
4	Akta A579	15-06-1963
